

21/02/1999

Perlumbaan klasik

Halmi Samad

DALAM satu komentar ikhlas, seorang wartawan akhbar Pemikiran Rakyat yang berpangkalan di Bandung, Indonesia menyifatkan perlumbaan Le Tour de Langkawi (LTDL) 1999 sebagai satu usaha bagi menjadikan Langkawi destinasi pelancongan terunggul di dunia. Dalam erti kata yang ringkas, Langkawi lebih gah daripada Pulau Bali.

Namun, LTDL sebenarnya menjanjikan lebih daripada itu. Selama 12 hari perlumbaan itu, LTDL 1999 memaksa pelumba berkayuh sejauh 1,903.30 kilometer. Secara simboliknya, ia mengajar warga Malaysia betapa kejayaan tidak datang sekelip mata. Ia perlukan perancangan rapi, pengorbanan akal fikiran dan keringat. Apatah lagi pada saat Malaysia dibelenggu cengkaman kegawatan ekonomi.

Ia bermula di Langkawi dan berakhir di Kuala Lumpur. Dua tempat yang berbeza latar belakang, tetapi memiliki persamaan iaitu semangat 'Malaysia Boleh'. Dan, dalam perjalanan ke garis penamat di hadapan jam besar Bangunan Sultan Abdul Samad yang berusia 103 tahun itu, Ahad lalu, pelumba terpaksa mengharungi deruan angin kencang seederas 55 kilometer sejam di Pantai Batu Buruk di Terengganu.

Hujan lebat membasahi sepanjang jalan dari laluan Kuala Terengganu ke Kota Bharu sejauh 155.50 km. Mentari terik membakar tubuh pelumba tatkala berkayuh dari bangunan KLCC, Kuala Lumpur ke Port Dickson, Negeri Sembilan.

Cuaca menjangkau sehingga 39 darjah celsius ketika kelompok pelumba meninggalkan Bukit Sanjuang (St John Hill's) ke Johor Bahru di perlumbaan peringkat keenam sejauh 223.70km.

Kepenatan mendaki Genting Highlands setinggi 2,000 meter pasti terasa sepanjang tahun. Namun, demi memburu hadiah sejumlah RM1.6 juta, segenap kepenatan itu diketepikan. LTDL 1999 yang berkedudukan 2.4 dalam kalendar kejohanan tahunan Kesatuan Lumba Basikal Antarabangsa (UCI) sememangnya mencabar. Lebih-lebih lagi dalam keadaan cuaca pantas bertukar, sekejap panas sekejap hujan. Semuanya dalam sekelip mata.

Bagi pelumba yang tidak berdaya menahan tuntutan alam bumi Malaysia yang begitu mencabar, kata putus terakhir ialah menarik diri daripada perlumbaan elit itu.

Senario itu terbukti apabila hanya 95 pelumba berupaya menghabiskan perlumbaan. Empat puluh tujuh pelumba lagi tumbang dalam mengekang cabaran cuaca hujan, panas berbahang dan terik mentari di Malaysia.

Tidak hairanlah jika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan perlumbaan LTDL lebih klasik. Malah, hebat daripada Tour de France serta Giro d'Italia, sesuai dengan slogan kejohanan - Asia's Ultimate Challenge,

Pengerusi Eksekutif First Cartel (M) Sdn Bhd, Wan Lokman Datuk Paduka Wan Ibrahim menjelaskan LTDL menghidangkan siri perlumbaan berkualiti khusus untuk pelumba yang berstamina tinggi.

Betapa tidak! Laluan perlumbaan tahun ini sudah banyak berbeza sejak LTDL tampil dalam kancah perlumbaan jelajah UCI pada 1996. Pada tahun pertama, seramai 132 pelumba hanya perlu berkayuh sejauh 1,578km dalam perlumbaan 10 peringkat. Jarak perlumbaan itu meningkat sejauh 325.30km ataupun hampir 25 peratus dalam tempoh empat tahun.

"Perlumbaan tahun ini lebih mencabar kerana perubahan beberapa laluan dan pertambahan jarak kilometer laluan. Pelumba-pelumba terpaksa mengharungi laluan berbukit secara berselang-seli. Bukannya mendadak. Ada

tiga peringkat yang begitu mencabar iaitu ke-5 (Kuala Lumpur-Port Dickson); ke-10 (Pasir Mas-Gerik) dan ke-11 (Tapah-Genting Highlands).

"Di ketiga-tiga peringkat ini, pelumba terpaksa berkayuh mendaki bukit yang agak curam dan menegak, khususnya di Genting Highlands. Perlumbaan ini sebenarnya begitu memenatkan. Pendek kata hanya yang kuat boleh menghabiskannya," katanya dalam satu temuramah baru-baru ini.

Pendapat itu dipersetujui Pengurus Bahagian Media, Azman Baharuddin yang menyifatkan LTDL mewakili suara rakyat Malaysia berdinamik dan bercitarasa global.

"Ia mendidik rakyat Malaysia supaya lebih bekerja keras untuk berjaya."

Pengurus pasukan Mapei-Quick.Step, Fabrizio Fabbri pula menyifatkan LTDL sebagai satu perlumbaan yang sangat sukar. Selain terpaksa berdepan dengan cuaca panas, pelumba asing terpaksa menyesuaikan diri dengan pertukaran suhu secara mendadak.

"Di Rome atau kebanyakan kota-kota besar di Eropah sekarang ini cuaca sedingin 0 darjah celsius. Ada juga yang minus. Tapi di sini, cuaca terlalu panas, sehingga 39 darjah selsius. Kami tiada pilihan lain. Kami terpaksa menyesuaikan diri. Tapi, ia satu proses yang begitu memeritkan," katanya.

MROZ, kelab berprestasi sederhana dari Poland pula kaget seketika dalam melayan pertukaran cuaca tidak menentu di Malaysia.

Pengurusnya, Luc Schuddinck yang pertama kali ke negara ini mendedahkan betapa barisan pelumbanya sukar menelah keadaan cuaca di Malaysia.

Menurutnya, perubahan cuaca secara drastik menyebabkan pelumba-pelumbanya gagal menggunakan taktik tepat dan mantap.

(END)